

Newspaper
Date

Berita Harian
1 February 2016

'Saya sendiri akan pantau hingga siap'

BH-1/2/2016

» PM mahu keperluan rakyat luar bandar, pedalaman diberi keutamaan

Oleh Hardi Effendi Yaacob dan Kanda Sidi
bhnews@bh.com.my

Sebuyau

Datuk Seri Najib Razak mahu keperluan rakyat, khususnya di kawasan pedalaman dan luar bandar sentiasa diberi keutamaan, termasuk dalam penyediaan infrastruktur pendidikan yang sempurna.

Perdana Menteri berkata, komitmen kerajaan cukup terserlah melalui pelbagai projek infrastruktur pendidikan yang dilaksanakan ketika ini, termasuk proses penambahbaikan sekolah uzur dan memerlukan perhatian segera.

"Ini penting bagi mewujudkan suasana pengajaran dan pembelajaran kondusif serta selamat, sekali gus diyakini mampu mendorong guru memberi perkhidmatan terbaik, seterusnya merangsang prestasi cemerlang pelajar," katanya ketika melawat Sekolah Kebangsaan (SK) Sungai Ladong di sini, semalam.

Beliau yang diiringi Menteri Pendidikan, Datuk Seri Mahdzir Khalid dan Timbalan Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Alfred Jabu Numpang, meluangkan masa kira-kira setengah jam meninjau sekolah berkenaan yang beroperasi sejak 1957, selain beramah mesra dengan penduduk setempat.



Najib diiringi Alfred Jabu dan Julaihi (kanan) bersama murid SK Seruyuk, Sebuyau, semalam dalam lawatan kerja ke Sarawak.

Yang turut hadir sama, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Nancy Shukri yang juga Ahli Parlimen Batang Sadong; Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan, Tan Sri Dr Madinah Mohamad dan Menteri Muda Pembangunan Perindustrian Sarawak, Datuk Julaihi Nawahri yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sebuyau.

Segerakan penambahbaikan
Dalam lawatan itu, Najib mengarahkan Kementerian Pendidikan melaksanakan kerja penambahbaikan dengan segera, termasuk membina blok baharu mengandungi enam bilik darjah di kawasan berhampiran dengan menggunakan teknologi sistem

"Saya sendiri akan memantau perkembangan projek ini sehingga siap sepenuhnya. Ini komitmen kita dalam memajukan bidang pendidikan di Sarawak, terutama di kawasan pedalaman dan luar bandar"

Najib Razak,
Perdana Menteri

binaan industri (IBS).

"Saya berasa sedih dan dukacita membayangkan situasi 20 guru serta 169 murid perlu mengharungi keadaan ini setiap hari.

"Hampir semua bilik darjah agak uzur dan memerlukan kerja penambahbaikan segera.

Siap dalam tempoh 5 minggu

"Dengan IBS, bilik darjah baharu dijangka dapat disiapkan dalam tempoh lima minggu," katanya yang turut mengarahkan Kementerian berkenaan memberi keutamaan kepada pembinaan bangunan baharu SK Sungai Ladong di dalam Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11).

SK Sungai Ladong yang terletak

berhampiran Sungai Batang Sadong mempunyai 20 guru dan 169 murid Tahun 1 hingga 6, sebahagian besarnya anak nelayan serta petani.

"Saya sendiri akan memantau perkembangan projek ini sehingga siap sepenuhnya. Ini komitmen kita dalam memajukan bidang pendidikan di Sarawak, terutama di kawasan pedalaman dan luar bandar," kata Perdana Menteri.

Najib berkata, kerajaan dari semasa ke semasa berusaha meningkatkan kualiti perkhidmatan dan sistem penyampaian awam kepada rakyat di kawasan akar umbi, terutama dalam konteks pembangunan.

"Ini sentiasa diberikan penekanan dalam kepemimpinan saya, dengar denyut nadi rakyat, sentiasa berusaha memberikan kehidupan terbaik untuk rakyat, khususnya di kawasan pedalaman dan luar bandar dari segi pendidikan, kesihatan dan sistem pengangkutan," katanya.

Hargai komitmen kerajaan

Sementara itu, Guru Besar SK Sungai Ladong, Anuar Alem menghargai keprihatinan Perdana Menteri terhadap keperluan mendesak sekolahnya yang memerlukan bilik darjah baharu selepas bangunan sedia ada diperbuat daripada papan, terjejas akibat fenomena air pasang besar yang boleh mencecah paras 6.5 meter.

"Kami turut menghargai komitmen kerajaan Persekutuan membina sekolah baharu dalam RMKe-11 yang dilengkapi pelbagai kemudahan, termasuk bekalan air bersih.

"Tapaknya sudah dikenal pasti dan dengan kemudahan baharu itu nanti, diharap lebih ramai pelajar cemerlang mampu dilahirkan dari sini," katanya.